

1979 DARI ZAINOOR SULAIMAN

JAKARTA, 26 FEB. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA NEGARA-NEGARA ASEAN SENTIASA MEMBERI KEUTAMAAN TINGGI KEPADA PEWUJUDAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR YANG MANTAP DAN BERKESAN SEBAGAI SALAH SATU KEPERLUAN BUKAN SAHAJA BAGI MEMPERBAIKI TARAF SOSIO-EKONOMI RAKYAT DI RANTAU INI MALAH UNTUK MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN DENGAN NEGARA-NEGARA DI LUAR RANTAU TERSEBUT.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN SEBAGAI NEGARA-NEGARA PENGELUAR UTAMA BAGI SEPARUH DARIPADA BARANGAN UTAMA DUNIA SEPERTI GETAH, BIJIH TIMAH, MINYAK SAYUR, GULA, BERAS DAN TIDAK LAMA LAGI PETROLIUM, ASEAN TERPAKSA BERGANTUNG PADA SISTEM PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN YANG CEKAP DAN BERKESAN SAMA ADA DI DALAM NEGERI ATAU PUN DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

+KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI MUNGKIN TIDAK BERBENTUK MODEN ATAU KEMAS KINI DARI SEGI TARAF EROPAH, TETAPI IA MEMBANTU MELICINKAN ALIRAN BARANG-BARANG DARI KAMPUNG KE PASAR, PASAR KE BANDAR, BANDAR KE PELAKUHAN DAN DARI PELABUHAN KE PASARAN ANTARABANGSA+, KATA BELIAU KEPADA KIRA-KIRA 900 PERWAKILAN YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN KEDUA ASEAN-KESATUAN EKONOMI, EROPAH (EEC) MENGENAI KERJASAMA PERUSAHAAN DI DEWAN KONVENSYEN JAKARTA DI SINI HARI INI.
--BERSAMBUNG 1208/BY

££

E505

MAHATHIR 2 JAKARTA

BERUCAP MENGENAI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DI RANTAU ASEAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENGETUAI PERWAKILAN MALAYSIA SERAMAI 88 ORANG BERKATA MENTERI-MENTERI EKONOMI ASEAN TELAH MEMBERI KEUTAMAAN TINGGI KEPADA PROJEK-PROJEK INFRASTRUKTUR YANG MENYATU DAN MENYEGERAKAN SISTEM PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN BAGI MENOKOK-TAMBAH SERTA MEMPERKUKUHKAN LAGI KERJASAMA EKONOMI DAN KEWANGAN DI RANTAU ASEAN.

UNTUK TUJUAN ITU, BEBERAPA PROJEK SERANTAU SAMA ADA SEDANG DIRANCANG ATAU DILAKSANAKAN, TAMBAH BELIAU.

MENURUTNYA, BUAT MASA INI KERJASAMA SESAMA ASEAN DAN ANTARA ASEAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN DILAKUKAN MELALUI ALAT PERHUBUNGAN YANG SEDIA ADA TERMASUK HUBUNGAN RADIO DAN KABEL DI DASAR LAUT YANG DIADAKAN DI KALANGAN NEGARA-NEGARA ANGGOTA ASEAN SECARA DUA HALA.

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INI DITOKOK-TAMBAH DENGAN HUBUNGAN SATELIT YANG DIADAKAN OLEH NEGARA-NEGARA INDIVIDU DENGAN KERJASAMA PERBADANAN-PERBADANAN TELEKOM BERBAGAI PIHAK.

BAGI MENAMPUNG PERTUMBUHAN JUMLAH LALULINTAS DI MASA AKAN DATANG, SISTEM KABEL DI DASAR LAUT ASEAN TELAH DILANCARKAN BAGI MENGHUBUNGKAN KESEMUA LIMA BUAH NEGARA ANGGOTA.

PERINGKAT PERTAMA ANTARA FILIPINA DENGAN SINGAPURA TELAH DILANCARKAN BULAN OGOS LALU SEMENTARA KESELURUHAN PROJEK ITU YANG MENYEDIAKAN 1,380 TALIAN DIJANGKA SIAP MENJELANG TAHUN 1983. -

--BERSAMBUNG 1044/BY

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MEMBERITAHU BAHAWA ASEAN TELAH MERANCANG MENGADAKAN SATU SISTEM PERHUBUNGAN SATELIT SERANTAU SEBAGAI MATLAMAT JANGKA PANJANGNYA.

UNTUK TUJUAN ITU, INDONESIA TELAH MENAWARKAN SISTEM SATELIT PALAPANYA.

BUAT MASA INI FILIPINA TELAH MULA MENGGUNAKAN SISTEM PALAPA ITU UNTUK SISTEM PERHUBUNGAN DALAM NEGERINYA MANAKALA MALAYSIA DAN NEGERI THAI SEDANG DALAM PROSES MENGUJI KEMUDAHAN TERSEBUT BAGI PERHUBUNGAN DALAM NEGERI DAN DI KAWASAN SEMPADAN MASING-MASING.

MENGENAI PENGANGKUTAN LAUT, TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN NEGARA-NEGARA ASEAN BERAZAM UNTUK MENINGKATKAN KETAHANAN ASEAN DI BIDANG PERKAPALAN TERUTAMA BERHUBUNG DENGAN KADAR PERTAMBAHAN YANG MENASABAH DAN STABIL.

LANGKAH INI JUGA BERTUJUAN MENJAMIN PERKHIDMATAN PERKALAPAN YANG CUKUP, CEKAP DAN EKONOMI BAGI PEMBESARAN PERDAGANGAN SESAMA ASEAN DAN ANTARA PERTUBUHAN SERANTAU ITU DENGAN LAIN-LAIN NEGARA.

MENGENAI KEMUDAHAN PELABUHAN, BELIAU BERKATA KEBANYAKAN DARI PELABUHAN-PELABUHAN UTAMA DI ASEAN MEMPUNYAI KEUPAYAAN UNTUK MENGENDALIKAN SEMUA JENIS KAPAL TERMASUK KONTENA DAN KAPAL TANGKI.

BELIAU MENYATAKAN BAGI MENGGALAKKAN KERJASAMA DALAM KEGIATAN PELABUHAN DI RANTAU INI, BEBERAPA INSTITUSI SEPERTI PERSATUAN LEMBAGA-LEMBAGA PELABUHAN ASEAN, PERSATUAN TUAN-TUANPUNYA KAPAL ASEAN DAN GABUNGAN MAJLIS PEKAPAL ASEAN TELAH DITURBUHKAN. --

MAHATHIR 4 JAKARTA

26

TAMBAHNYA, PERSATUAN-PERSATUAN TERSEBUT JUGA MEMBERI SUMBANGAN POSITIF TERHADAP USAHA MENSERAGAMKAN PERATURAN OPERASI LAUT DI RANTAU INI.

MENYENTUH TENTANG PENGANGKUTAN UDARA, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERHARAP ASEAN DAN AUSTRALIA TIDAK LAMA LAGI AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA BERHUBUNG DENGAN BANTAHAN ASEAN TERHADAP DASAR PENERBANGAN +TAMBANG MURAH+ AUSTRALIA YANG BARU.

BELIAU BERKATA SELAIN DARI RANGKAIAN PERHUBUNGAN UDARA YANG SUDAH YANG DISEDIAKAN OLEH BERBAGAI SYARIKAT PENERBANGAN KEBANGSAAN ASEAN, NEGARA-NEGARA ASEAN JUGA TELAH BERSETUJU UNTUK MENUBUHKAN SEBUAH SYARIKAT PENERBANGAN ASEAN.

MENGENAI SISTEM PENGANGKUTAN JALANRAYA DAN KERETAPI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DI SEBABKAN KEDUDUKAN GEOGRAFI MEREKA MALAYSIA, NEGERI THAI DAN SINGAPURA DAPAT MENGADAKAN PERKHIDMATAN KERETAPI DAN JALANRAYA YANG MELIPUTI KETIGA-TIGA BUAH NEGARA ITU.

MENURUTNYA, ASEAN JUGA SEDANG MENGAMBIL LANGKAH UNTUK MENSERAGAMKAN LESEN MEMANDU DI DALAM NEGERI, TANDA ISYARAT DAN JUGA KEMUDAHAN-KEMUDAHAN INSURAN BAGI MELICINKAN LAGI PERJALANAN MELALUI DARAT DI RANTAU TERSEBUT. --BERNAMA 1219/BY

MAHATHIR 5 JAKARTA (SAMBUNG BERITA 507)

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI PERINDUSTRIAN INDONESIA ENCIK A.R. SOEHOED YANG JUGA PENERUSA JAWATANKUASA PENGANJUR MENEKANKAN BAHAWA PERKEMBANGAN LANJUT DALAM DAYAMAJU EKONOMI ASEAN SEBAGAI SEBUAH PERSATUAN EKONOMI SERANTAU JUGA BERGANTUNG KEPADA SEJAUH MANA DAN JENIS KERJASAMANYA DENGAN RANTAU LAIN, TERUTAMA SEBUAH RANTAU SEPERTI EEC.

MESYUARAT PERINGKAT TINGGI PEGAWAI-PEGAWAI BANK DAN PENIAGA DARI KEDUA-DUA BADAN ITU YANG DIJALANKAN SEKARANG MENUNJUKKAN KESEDARAN DAN TEKAD POLITIK YANG BERTAMBAH UNTUK KERJASAMA YANG LEBIH ERAT ANTARA KEDUA-DUA RANTAU.

MENTERI ITU MENEKANKAN WALAUPUN EEC MEMPUNYAI SUMBER-SUMBER POTENSI YANG BOLEH DIGEMBELINGKANNYA TETAPI JUMLAH PELABURANNYA DALAM RANTAU ASEAN HANYA DI BELAKANG NEGARA-NEGARA LAIN.

UNTUK MEWUJUDKAN SATU KERJASAMA YANG SIHAT ANTARA KEDUA-DUA RANTAU, ENCIK SOEHOED MENEGASKAN SATU DARI TIANG SERINYA MESTILAH PERKEMBANGAN PERINDUSTRIAN YANG MANTAP DI ASEAN.

- BERSAMBUNG 1706/HS

EE

B588

MAHATHIR 6 JAKARTA

DI KETIKA INDUSTRI YANG DIWUJUDKAN DI RANTAU ASEAN DIORIENTASIKAN KEPADA PASARAN TEMPATAN DAN DALAM RANTAU ASEAN, IA JUGA PATUT MEMPUNYAI PELUANG MENYERTA PASARAN ANTARA RANTAU.

MENGENAI PERDAGANGAN, MENTERI NEGARA BAGI KEWANGAN SINGAPURA ENCIK GOH CHOK TOK BERKATA PERUNDINGAN-PERUNDINGAN UNTUK MEMOTONG LEBIH BANYAK TARIF DIADAKAN UNTUK MEWUJUDKAN PERDAGANGAN DALAMAN ASEAN. SETAKAT INI 826 PERKARA TELAH DITUKAR ATAU DILAKSANAKAN.

+ADALAH MUNGKIN MELALUI PERATURAN INI, SEBUAH KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS BOLEH DIWUJUDKAN, + KATANYA.

MENGENAI HUBUNGAN PERDAGANGAN ASEAN DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN, MENTERI ITU BERKATA ASEAN MENIKMATI PERDA YANG AKTIF DENGAN JEPUN, AMERIKA SYARIKAT, ASIA BARAT, AUSTRALIA DAN CHINA. - BERNAMA 1710/HS